GENTING MALAYSIA

# Personal Data Processing Statement

This Personal Data Processing Statement ("PDPS") is prepared in accordance with the requirements of the Personal Data Protection Act 2010 (the "Act"). This PDPS sets out the policies and procedures of the Group with regard to your personal data and your agreement to the usage and processing of your personal data for purposes set out below.

## 1. Definition

1.1 "Group" means Genting Malaysia Berhad and/or its holding company, subsidiaries, related and associated companies and companies using or may be using the brands of "Genting" and/or "Resorts World", regardless whether such company(ies) are incorporated in or outside Malaysia.

1.2 "Personal Data" means personal data as defined under the Act, including without limitation your name, age, identity card number, gender, date of birth, address, email address, telephone number, occupation, position held, marital status, financial status, physical or mental health or medical condition/records, any infectious or contagious disease related information including without limitation, COVID-19 testing and/or vaccination records, religious beliefs or other beliefs of a similar nature, the commission or alleged commission of any offence, photographs, recordings, opinions, comments and such other personal information or your views/opinions that are, have been and may be collected, compiled, processed and maintained with the Group from time to time.

## 2. Provision of Personal Data

2.1 The Group will obtain your Personal Data when you provide your Personal Data to the Group in any way or manner in connection with your employment and/or proposed employment with the Group. The source of your Personal Data may come from you through your job application or information which is provided by any third parties, including but not limited to recruitment agencies or executive search companies, your referees, your current and previous employers, public records and background check agencies, any forms which you may have completed, emails or from any activities you may have participated or undertaken at any time and for whatever purpose during the course of your employment with the Group, or from the public domain. The Group will also receive and store your Personal Data when you enter the Group's websites, social networking sites and/or blogs.

## 3. Purposes of Processing

3.1 The Group may use your Personal Data for the following purposes, namely:-

(a) To process your application/form;
(b) To communicate with you;
(c) To respond to questions and comments from you;

(d) For administrative purposes;
(e) To process and analyse your Personal Data either individually or collectively with other employees;
(f) To monitor, assess and evaluate your fitness and properness to be employed by, or remain in employment with, the Group;
(g) To make reference check with any third parties;
(h) Any purposes in connection with your employment or proposed employment with the Group;
(i) To monitor and/or take any applicable action in respect of any infectious or contagious disease, including without limitation, the records and/or status of COVID-19 testing and/or vaccination for employees of the Group;
(j) Other purposes which the Group may reasonably deem fit;
(k) For the Group to comply with and/or discharge obligations required under the law within and/or outside Malaysia; and
(l) for such other purposes as may be required or permitted by laws within and outside Malaysia, including laws relating to evidence.

3.2 Other than Section 3.1(k) and (l), provision of your Personal Data for the purposes listed in Section 3.1 above is voluntary and optional. However, failure to provide the requested Personal Data or any limitation against the Group to process your Personal Data may result in the Group being unable (a) to process the relevant application form and/or (b) to employ or continue to employ you.

3.3 Your Personal Data may be transferred to, stored in, and processed in a jurisdiction other than Malaysia. You understand and consent that your Personal Data may be transferred outside of Malaysia to those third parties with whom the Group share it as described in this PDPS.

**4. Disclosure to Third Parties**

4.1 For purposes as described herein, the Group may share with and/or transfer your Personal Data to:-

(a) the other entities within the Group;
(b) the Group's third party consultants, professional advisors or service providers;
(c) any person under a duty of confidentiality to the Group;
(d) any actual or proposed assignee, transferee, participant or sub-participant of the Group's rights or business;
(e) your immediate family members and/or emergency contact person as may be notified to the Group from time to time; and
(f) regulatory and government authorities in order to comply with statutory and/or government requirements; including without limitation the Ministry of Health, Ministry of Science, Technology and Innovation, Special Committee for Ensuring Access to COVID-19 Vaccine Supply (JKJAV) or authorised persons including but not limited to any authorized officer as defined under the Prevention and Control of Infectious Disease Act 1988, hospitals, health clinics, vaccination centres and/or medical practitioners for reporting purposes.

4.2 The Group may also share your Personal Data where required by law or where disclosure is necessary to comply with applicable laws, legal processes or queries from the relevant authorities.

**5. Collection of Information from Websites**

5.1 When you visit the Group's websites, there is automatic collection of some information about your computer such as IP address, web browser software, and referring website. Such information is only used for the purpose of creating a better user experience and to identify areas for improvement on the Group's websites.

5.2 As a visitor to the Group's websites, you may also be assigned a permanent cookie file on your computer's hard drive. You may always choose not to receive a cookie file by enabling your web browser to refuse cookies or prompt before accepting a cookie. By refusing to accept a cookie, you may not be able to access certain services and tools offered on the website.

**6. Access and Correction of Personal Data**

6.1 You may, request to access to and/or to make any correction to your Personal Data by submitting a request in writing to the Group to the address stated in Section 8 below.

6.2 In respect of your right to access and/or correct your Personal Data, the Group has the right to:-

(a) refuse your request to access and/or make any correction to your Personal Data in the manner provided in the Act, such as where expense of providing access to you is disproportionate to the risks to your privacy, or where the rights of others may also be violated, amongst other reasons; and

(b) refuse your request to access and/or make any correction to your Personal Data as permitted under the Act, including where your Personal Data is being processed by the Group in order to discharge regulatory functions and providing you access and/or the right to make any correction to your Personal Data is likely to prejudice proper discharge of those functions by the Group.

6.3 Notwithstanding that access is granted to you or any correction / updating of your Personal Data is performed, this PDPS shall remain valid and effective at all times.

**7. Rights to Limit Processing**

7.1 If you:

(a) do not wish to receive any communications relating to job vacancy(ies) from the Group; or
(b) wish for the Group to stop processing your Personal Data for employment purposes; or
(c) wish to change the manner in which the Group is permitted to process your Personal Data as described under Section 3 above;

you may submit a request in writing to the address stated in Section 8 below.

**8. Enquiries and Contact**

You may request for access and/or request for correction of your Personal Data or make any inquiries or complaints in relation to the processing of your Personal Data by writing to the following personnel for further assistance:-

Assistant Vice President – Human Resources (Manpower & Compensation)
Human Resources Department
Genting Malaysia Berhad
Genting Highlands Resort
69000 Genting Highlands
Pahang Darul Makmur
Malaysia
Contact Number: 03-61052626
Email:leongyu.yun@rwgenting.com

**Notes: (1) The Group reserves the right to revise this PDPS from time to time due to changes in applicable laws and regulations and you shall be deemed to have agreed to such revision(s) if you continue your relationship with the Group without any objection(s).**

**(2) In case of discrepancies between the English version and other translated versions of this PDPS, the English version shall apply and prevail.**

**(3) Failure to sign this PDPS may result in the Group being unable to process your Personal Data for purposes set out above. Under such circumstances, the Group reserves its rights to take whatever action it deems fit in accordance with its rights and/or for the protection of its interests.**

==========================================================================================

**<u>Penyata Pemprosesan Data Peribadi</u>**

Penyata Pemprosesan Data Peribadi ("PPDP") ini disediakan mengikut peruntukan yang termaktub dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"). PPDP menetapkan polisi dan prosedur Kumpulan berkenaan dengan data peribadi anda dan persetujuan anda dalam penggunaan dan pemprosesan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang ditetapkan di bawah.

**1. Definisi**

1.1 "Kumpulan" ertinya Genting Malaysia Berhad dan/atau syarikat induk, anak-anak syarikat, syarikat-syarikat yang berkaitan dan bersekutunya, dan syarikat-syarikat yang mengguna atau mungkin mengguna jenama "Genting" dan/atau "Resorts World", tidak kira sama ada syarikat (atau syarikat-syarikat) itu diperbadankan di dalam atau luar Malaysia.

1.2 "Data Peribadi" ertinya data peribadi yang ditaksirkan di bawah Akta, termasuk tanpa batasan nama, umur, nombor kad pengenalan, jantina, tarikh lahir, alamat, alamat emel, nombor telefon, pekerjaan, jawatan dipegang, status perkahwinan, status kewangan, kesihatan fizikal atau mental atau keadaan perubatan/rekod-rekod, sebarang maklumat berkaitan penyakit berjangkit atau menular termasuk tanpa batasan, ujian COVID-19 dan/atau rekod-rekod vaksinasi kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang seumpamanya, perlakuan atau dakwaan perlakuan apa-apa kesalahan, foto, rakaman, pendapat, komen, maklumat berkaitan dengan program dan/atau

pakej yang anda telah sertai dan apa-apa maklumat peribadi atau pandangan/pendapat anda yang telah dan mungkin dikumpul, disusun, diproses dan dikekalkan dengan Kumpulan dari semasa ke semasa.

**2. Pemberian Data Peribadi**

2.1 Kumpulan akan memperolehi Data Peribadi anda apabila anda memberi Data Peribadi anda kepada Kumpulan dalam apa-apa cara atau bentuk berkenaan dengan penggajian dan/atau cadangan penggajian anda dengan Kumpulan. Sumber Data Peribadi anda mungkin datang daripada anda melalui permohonan kerja anda atau maklumat yang diberikan oleh pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada agensi-agensi pekerjaan atau syarikat-syarikat carian eksekutif, rujukan-rujukan anda, majikan semasa dan sebelumnya, rekod-rekod awam dan agensi pemeriksaan latar belakang, sebarang borang yang dilengkapkan oleh anda, emel-emel, atau dari sebarang aktiviti-aktiviti yang anda mungkin telah mengambil bahagian atau melakukan pada bila-bila masa dan untuk tujuan apa pun semasa anda bekerja dengan Kumpulan, atau melalui domain awam. Kumpulan juga akan menerima dan menyimpan Data Peribadi anda apabila anda memasuki laman web, laman-laman web rangkaian sosial dan/atau blog Kumpulan.

**3. Tujuan Pemprosesan**

3.1 Kumpulan mungkin mengguna Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan berikut, iaitu:-

(a) Untuk memproses permohonan/borang anda;
(b) Untuk berkomunikasi dengan anda;
(c) Untuk memberi respons pada soalan-soalan dan komen-komen anda;
(d) Untuk tujuan pentadbiran;
(e) Untuk memproses dan menganalisis Data Peribadi anda secara individu atau kolektif dengan individu-individu yang lain;
(f) Untuk memantau, menilai dan mengevaluasi kesesuaian dan kewajaran anda untuk digaji, atau kekal dalam penggajian oleh Kumpulan;
(g) Untuk membuat pemeriksaan rujukan dengan mana-mana pihak ketiga;
(h) Apa-apa tujuan berkenaan dengan penggajian dan/atau cadangan penggajian anda dengan Kumpulan;
(i) Untuk memantau dan/atau mengambil apa-apa tindakan yang berkaitan dengan apa-apa penyakit berjangkit atau menular, termasuk tanpa batasan, rekod-rekod dan/atau status ujian dan/atau vaksinasi COVID-19 untuk pekerja-pekerja Kumpulan;
(j) Bagi tujuan-tujuan lain yang difikirkan patut oleh Kumpulan; dan
(k) Bagi tujuan Kumpulan menunaikan obligasi yang dikehendaki di bawah undang-undang di dalam dan di luar Malaysia; dan
(l) untuk tujuan lain yang mungkin diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang di dalam dan di luar Malaysia, termasuk undang-undang yang berkaitan dengan keterangan.

3.2 Selain daripada Seksyen 3.1(k) dan (l), pemberian Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang disenaraikan dalam Seksyen 3.1 di atas adalah secara sukarela dan tanpa paksaan. Walau bagaimanapun, kegagalan memberi Data Peribadi yang diminta atau apa-apa yang mengehadkan Kumpulan untuk memproses Data Peribadi itu boleh mengakibatkan Kumpulan tidak dapat (a) memproses permohonan/borang berkenaan; dan/atau (b) menggaji atau terus menggaji anda.

3.3 Data Peribadi anda boleh dipindahkan, disimpan, dan diproses dalam bidang kuasa lain selain Malaysia. Anda memahami dan bersetuju bahawa Data Peribadi anda mungkin dipindahkan kepada pihak ketiga di luar Malaysia seperti yang dinyatakan dalam PPDP ini.

**4. Pendedahan kepada Pihak Ketiga**

4.1 Bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di sini, Kumpulan mungkin berkongsi dengan dan/atau memindahkan Data Peribadi anda kepada:-

(a) entiti-entiti yang lain di dalam Kumpulan;
(b) perunding, penasihat profesional atau pembekal-pembekal perkhidmatan pihak ketiga Kumpulan;
(c) mana-mana orang di bawah kewajipan sulit kepada Kumpulan;
(d) mana-mana penerima serah hak, penerima hakmilik, peserta atau sub-peserta kepada hak atau perniagaan Kumpulan yang sah atau disarankan;
(e) ahli-ahli keluarga terdekat anda dan/atau orang yang dihubungi ketika kecemasan sebagaimana yang dimaklumkan kepada Kumpulan dari semasa ke semasa; dan
(f) pengawalselia dan pihak berkuasa kerajaan untuk mematuhi keperluan-keperluan undang-undang dan/atau kerajaan; termasuk tanpa had Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) atau orang-orang yang diberi kuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada pegawai diberi kuasa seperti yang ditaksirkan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, hospital-hospital, klinik-klinik kesihatan, pusat-pusat vaksinasi dan/atau pegawai-pegawai kesihatan untuk tujuan pelaporan.

4.2 Kumpulan juga mungkin berkongsi Data Peribadi anda seperti yang diwajibkan oleh undang-undang atau jika pendedahan adalah perlu untuk mematuhi undang-undang, proses undang-undang atau pertanyaan daripada pihak berkuasa yang berkaitan.

**5. Pengumpulan Informasi Dari Laman Web**

5.1 Apabila anda melawat laman web Kumpulan, beberapa maklumat mengenai komputer anda seperti alamat IP, perisian pelayar web, dan laman-laman web yang dirujuki akan dikumpulkan secara automatik. Maklumat itu hanya digunakan untuk mewujudkan pengalaman pengguna yang lebih baik dan untuk mengenal pasti bahagian yang perlu ditambahbaik dalam laman web Kumpulan.

5.2 Sebagai pelawat ke laman web Kumpulan, anda mungkin diperuntukkan satu fail cookie kekal pada pemacu cakera keras komputer anda. Anda berhak memilih untuk tidak menerima fail cookie dengan membolehkan pelayar web anda untuk menolak cookie atau memberi isyarat sebelum menerima cookie. Dengan tidak menerima cookie, anda mungkin tidak dapat mengakses perkhidmatan dan peralatan tertentu yang ditawarkan di laman web.

**6. Akses dan Pembetulan Data Peribadi**

6.1 Anda boleh memohon mengakses kepada dan/atau membuat sebarang pembetulan ke atas Data Peribadi anda dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Kumpulan di alamat yang tercatat dalam Seksyen 8 di bawah.

6.2 Berkenaan hak anda untuk mengakses dan/atau membetulkan Data peribadi, Kumpulan mempunyai hak untuk:-

(a) menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan terhadap Data Peribadi anda mengikut cara yang diperuntukkan dalam Akta, seperti perbelanjaan untuk memberikan akses kepada anda tidak setimpal dengan risiko kepada privasi anda, atau hak pihak lain tergugat, antara sebab lain; dan

(b) menolak permintaan anda untuk mengakses dan/atau membuat sebarang pembetulan terhadap Data Peribadi anda seperti yang dibenarkan di bawah Akta, termasuk di mana Data Peribadi anda diproses oleh Kumpulan untuk melaksanakan fungsi pengawalseliaan dan menyediakan akses kepada anda dan/atau hak untuk membuat sebarang pembetulan terhadap Data Peribadi anda mungkin memprejudiskan pelaksanaan fungsi-fungsi tersebut oleh Kumpulan.

6.3 Walaupun akses diberikan kepada anda atau sebarang pembetulan/pengemaskinian yang dilakukan terhadap Data Peribadi anda, PPDP ini hendaklah terus menjadi sah dan berkesan pada setiap masa.

**7. Hak Untuk Menghadkan Pemprosesan**

7.1 Jika anda:

(a) tidak mahu menerima apa-apa komunikasi berkaitan jawatan-jawatan kosong daripada Kumpulan; atau
(b) ingin Kumpulan berhenti memproses Data Peribadi anda untuk tujuan pekerjaan; atau
(c) ingin mengubah cara Kumpulan dibenarkan memproses Data Peribadi anda seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 3 di atas;

anda boleh mengemukakan permintaan secara bertulis kepada alamat yang dinyatakan dalam Seksyen 8 di bawah.

**8. Pertanyaan dan Cara Hubung**

Anda boleh meminta akses dan/atau meminta untuk membuat pembetulan terhadap Data Peribadi anda atau membuat sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi anda secara bertulis dengan menghubungi kakitangan berikut untuk bantuan lanjut:-

Penolong Naib Presiden – Sumber Manusia (Tenaga Kerja & Pampasan)
Jabatan Sumber Manusia
Genting Malaysia Berhad
Genting Highlands Resort
69000 Genting Highlands
Pahang Darul Makmur
Malaysia
Nombor Telefon: 03-61052626
Emel:leongyu.yun@rwgenting.com

**Nota: (1) Kumpulan berhak untuk menyemak semula PPDP ini dari semasa ke semasa atas sebab perubahan dalam undang-undang dan peraturan yang berkaitan dan anda dianggap telah bersetuju terhadap**

**penyemakan itu sekiranya anda masih mengekalkan perhubungan dengan Kumpulan tanpa sebarang bantahan.**

**(2) Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan lain untuk PPDP, maka versi Bahasa Inggeris akan dirujuk dan diguna pakai.**

**(3) Kegagalan menandatangani PPDP ini boleh mengakibatkan Kumpulan tidak dapat memproses Data Peribadi anda untuk tujuan yang dinyatakan di atas. Dalam keadaan seperti itu, Kumpulan berhak untuk mengambil mana-mana tindakan yang difikirkan sesuai dengan haknya dan/atau untuk melindungi kepentingannya.**

---

**I hereby expressly declare that I have read, understood and voluntarily and unconditionally agreed to the terms and conditions stipulated in the Personal Data Processing Statement and hereby consent to the processing of my Personal Data (including any sensitive personal data) in the manner described in the Personal Data Processing Statement.**

**Saya dengan ini secara nyata mengesahkan bahawa saya telah membaca, memahami dan secara sukarela dan tanpa syarat bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan dalam Penyata Pemprosesan Data Peribadi dan dengan ini memberi persetujuan kepada pemprosesan Data Peribadi saya (termasuk apa-apa data peribadi sensitif) seperti yang diperuntukkan di dalam Penyata Pemprosesan Data Peribadi.**

| | |
|---|---|
| …………………………………………… | ……………………………………. |
| **(Signature / Tandatangan)** | **(Date / Tarikh)** |

**Name / Nama :**

**NRIC No. / No. Kad Pengenalan :**

**Employee ID Number / Nombor ID Pekerja :**

**(For Genting Employees Only / Untuk Pekerja Genting Sahaja)**